

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN  
DARIPADA : YBTUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
[ BATU GAJAH ]  
TARIKH :  
SOALAN :**

**YB Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan kenaikan caj rawatan perubatan dan pergigian kepada orang awam sejak tahun 2016. Adakah benar bahawa pihak hospital Kerajaan menghadapi kekurangan ubat-ubatan dan sering kali terpaksa meminta pesakit untuk membuat ujian-ujian kesihatan tertentu daripada pihak swasta kerana kekurangan peruntukkan kewangan.

**Tuan Yang di-Pertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) berdepan dengan cabaran untuk menyediakan perkhidmatan yang efisien, efektif dan berkualiti bagi menghadapi dan memenuhi pelanggan terutamanya pakar-pakar klinikal dan pesakit-pesakit yang terlibat. Dengan peningkatan beban kerja tahunan, langkah-langkah perbelanjaan dan kawalan kos adalah diperlukan bagi mengoptimalkan perbelanjaan di fasiliti KKM.

Skop sesuatu ujian sentiasa dikaji dan disemak dari masa ke semasa supaya bersesuaian dengan perkembangan dan kemajuan bidang perubatan. Sekiranya terdapat keperluan untuk sesuatu ujian baru, ujian tersebut akan ditawarkan.

Manakala ujian makmal yang dihantar ke pihak swasta melalui makmal hospital hanyalah melibatkan ujian khas (*highly specialised test*) yang tidak dijalankan oleh makmal KKM kerana permintaan yang rendah dan tidak *cost effective*. Walaubagaimanapun, ujian-ujian ini dibiayai sepenuhnya oleh KKM.

Siasatan lain seperti CT Scan dan MRI pula sememangnya hanya disediakan di hospital berpakar. Dalam keadaan-keadaan tertentu yang mendesak seperti kerosakan mesin dan masalah infrastruktur, perkhidmatan ini dijalankan secara *outsourcing* mengikut tatacara perolehan sedia ada.

KKM akan terus komited dalam usaha menyediakan perkhidmatan kesihatan yang mantap dan optimum kepada rakyat dengan memastikan ujian yang dijalankan bertepatan dengan pesakit, masa dan kondisi pesakit (*the right test for the right patient at the right time*).

**SOALAN ( 522 )**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB. TUAN SIVAKUMAR A/L VARATHARAJU  
NAIDU  
[ BATU GAJAH ]**

**SOALAN :-**

**YB. Tuan Sivakumar A/L Varatharaju Naidu [ Batu Gajah ] minta MENTERI KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN menyatakan projek-projek perumahan mampu milik yang telah dan sedang dilaksanakan di kawasan Parlimen Batu Gajah. Nyatakan projek-projek perumahan yang masih dalam cadangan untuk membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana di kawasan Parlimen Batu Gajah.**

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sehingga 20 Februari 2017 bagi Projek Perumahan Rakyat (PPR), Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menyiapkan 1 projek di kawasan Parlimen Batu Gajah iaitu PPR Batu Gajah KTM sebanyak 9 unit. Bagi tahun 2017, Kerajaan masih belum mempunyai perancangan projek PPR baharu di Batu Gajah. Kementerian tiada halangan jika terdapat cadangan pembangunan projek baharu PPR dari pihak Kerajaan Negeri untuk dipertimbangkan. Antara aspek-aspek utama yang diambil kira adalah faktor lokasi tapak yang dicadangkan, bentuk muka bumi yang landai dan sesuai untuk pembangunan perumahan, tapak berdekatan dengan infrastuktur dan kemudahan asas, serta status tanah yang berada dalam zon perumahan. Namun begitu, ianya tertakluk kepada kelulusan dan peruntukan kewangan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kementerian Kesejahteraan Bandar,  
Perumahan dan Kerajaan Tempatan

April 2017

**JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN G MANIVANNAN A/L  
DARIPADA GOWINDASAMY [ KAPAR ]**

**JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN BERTULIS**

**Tuan G Manivannan A/L Gowindasamy [ Kapar ] minta MENTERI PENDIDIKAN menyatakan :-**

- (a) status terkini pelaksanaan Program Dwibahasa (DLP) dan implikasi DLP terhadap bahasa ibunda. Apakah penerangan yang telah diberikan kepada guru besar, guru-guru dan ibu bapa sebelum pelaksanaan DLP. Apakah kriteria-kriteria yang diguna pakai sebelum sesebuah sekolah itu diberi kelulusan untuk mempraktikkan DLP di sekolah tersebut; dan
- (b) apakah perbezaan di antara DLP dan Pengajaran dan Pembelajaran Sains dan Matematik dalam Bahasa Inggeris (PPSMI). PPSMI yang merupakan sebuah polisi telah dimansuhkan pada tahun 2012 manakala DLP hanya sebuah program, apakah kelemahan dan kegagalan PPSMI telah diperhalusi dan diperbaiki sebelum DLP dilaksanakan. Senaraikan jaminan dan komitmen Kerajaan Persekutuan terhadap pelaksanaan program DLP.

## **JAWAPAN**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Dual Language Programme (DLP) adalah satu program pengukuhan bahasa Inggeris berasaskan pilihan sekolah di bawah Dasar Memartabatkan Bahasa Malaysia Memperkukuh Bahasa Inggeris (MBMMBI). DLP memberi pilihan kepada sekolah-sekolah yang memenuhi kriteria untuk mengadakan sesi pengajaran dan pembelajaran dalam bahasa Inggeris selain daripada bahasa Melayu bagi mata pelajaran Matematik dan Sains. Sekolah perlu memenuhi empat (4) kriteria untuk memohon melaksanakan DLP iaitu sumber yang mencukupi, kesediaan Pengetua/Guru Besar dan guru, peralatan, buku teks, bilik darjah; permintaan dan sokongan daripada ibu bapa; dan pencapaian sekolah dalam mata pelajaran Bahasa Melayu

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, DLP bukan dasar baharu tetapi merupakan satu program sukarela yang tidak melibatkan semua sekolah dan murid. DLP dilaksanakan di 1,216 buah sekolah iaitu 587 sekolah rendah dan 629 sekolah menengah melibatkan 139,197 murid iaitu 2.9 peratus dari jumlah murid.

Kementerian telah mengadakan sesi penerangan kepada semua Jabatan Pendidikan Negeri, Pegawai Pendidikan Daerah serta Pengetua, Guru Besar dan guru-guru sebelum DLP dilaksanakan. Tiada unsur paksaan di dalam pelaksanaan DLP. Penerangan

tentang DLP telah diberi pada hari pertama ibu bapa datang untuk mendaftar anak-anak di sekolah. Kebenaran ibu bapa telah diminta sebelum sekolah menerima DLP. Pengetua/Guru Besar berhak menolak tawaran tersebut sekiranya sekolah tidak berminat atau tidak bersedia untuk melaksanakan DLP.

- (b) Program DLP berbeza dengan Dasar PPSMI kerana DLP tidak melibatkan semua sekolah dan murid. DLP juga mengambil kira tahap kesediaan sekolah dan kompetensi guru untuk mengajar dalam Bahasa Inggeris. KPM telah mengambil langkah langkah proaktif untuk menyokong guru DLP bagi memastikan kualiti terjamin. Seramai 1,732 guru telah mendaftar untuk menyertai latihan dalam talian profisiensi Bahasa Inggeris. Pada tahun 2017, KPM akan memperluaskan skop latihan dalam talian dengan menambahkan modul kemahiran spesifik Bahasa Inggeris. KPM juga akan mengadakan latihan sokongan pedagogi untuk guru DLP sekolah rendah dan menengah.